Projek STREAM: Memodenkan Pengumpulan Data BNM

Ringkasan

- BNM sedang melaksanakan Projek STREAM untuk memodenkan pengumpulan data daripada Entiti Pelapor (Reporting Entities, RE) dengan beralih daripada pelaporan manual menggunakan templat kepada penghantaran data secara automatik melalui API.
- Inisiatif ini berteraskan tiga prinsip, iaitu **kumpul sekali**, guna berulang kali, **automasi** pengumpulan dan pelaporan **yang kekal relevan pada masa hadapan**.
- Pelaksanaan akan dijalankan secara berperingkat dengan fasa awal memberikan tumpuan kepada data berkaitan deposit, pembayaran dan derivatif. Maklum balas industri menunjukkan sokongan serta kesediaan terhadap Projek STREAM.

Pengenalan

Menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia (BNM) dipertanggungjawabkan dengan mandat berkanun untuk memelihara kestabilan monetari dan kewangan. Pelaksanaan mandat ini bergantung pada ketersediaan data berkualiti tinggi yang tepat pada masanya. Sehubungan dengan itu, BNM mengumpulkan pelbagai data kawal selia dan statistik daripada Entiti Pelapor (Reporting Entities, RE) terutamanya melalui Integrated Statistical System (ISS), iaitu sistem yang telah banyak menyokong keperluan BNM sejak tahun 2012. Walau bagaimanapun, kepesatan transformasi digital sektor kewangan yang diserlahkan oleh peningkatan jumlah data serta permintaan yang semakin tinggi terhadap kaedah analitis yang lebih terperinci telah membuka peluang untuk memodenkan rangka kerja pelaporan melangkaui proses tradisional yang berasaskan templat. Oleh itu, BNM telah memulakan Projek STREAM (STatistical Reporting Modernisation atau Pemodenan Pelaporan Statistik) yang bertujuan untuk memodenkan infrastruktur pengumpulan data.

Keperluan untuk Pemodenan

Sesi libat urus dengan RE dan pengguna data telah mengenal pasti tiga cabaran berulang dalam rangka kerja semasa. Pertama, pertindihan pelaporan berlaku apabila RE menyerahkan data yang sama merentasi pelbagai set data dengan dimensi yang berbeza-beza. Kedua, usaha manual masih ketara kerana proses pengumpulan data bergantung pada antara muka berasaskan web dan templat Excel. Ketiga, pelaporan secara agregat dan berkala mengehadkan keupayaan BNM untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat pada masanya serta lebih terperinci bagi menyokong keperluan analisis serta proses membuat keputusan yang semakin berkembang.

Sehubungan dengan itu, Projek STREAM berteraskan tiga prinsip, iaitu:

1. Mempermudah pelaporan dengan **mengumpul data sekali sahaja**, setakat yang praktikal bagi menghapuskan pertindihan dalam keperluan pelaporan.
2. Memodenkan kaedah pengumpulan melalui penghantaran data yang boleh dibaca mesin **secara automatik** menerusi API.
3. Memastikan rangka kerja **kekal relevan pada masa hadapan** dengan mengumpul data yang lebih terperinci sebagai sumber rujukan tunggal bagi pelbagai kegunaan hiliran, sekali gus mengurangkan keperluan permintaan data secara ad hoc.

Nota: Entiti pelapor termasuk bank, syarikat insurans, pengendali takaful, dan penyedia sistem pembayaran.

Projek STREAM: Memodenkan Pengumpulan Data BNM

Manfaat kepada RE dan Orang Ramai

Projek STREAM akan memberikan manfaat yang besar kepada BNM, RE dan industri kewangan. Model data yang diseragamkan serta automasi berasaskan API akan mengurangkan atau menghapuskan keperluan pelaporan secara manual, sekali gus membuka peluang baharu untuk meningkatkan skala dan kepantasan pengumpulan data. Penghantaran data yang lebih berkualiti daripada RE akan membolehkan BNM menerbitkan data terbuka dengan lebih pantas dan terperinci. Hal ini bukan sahaja memberikan manfaat kepada orang ramai secara keseluruhan, malah turut memberikan manfaat kepada RE sendiri melalui penanda aras rakan setara dan kaedah analitis yang lebih baik. **RE akan memperoleh manfaat terbesar sekiranya prinsip ini turut diterapkan dalam sistem dalaman mereka** dan bukan hanya pada peringkat penghantaran data kepada BNM. Penambahbaikan yang dilaksanakan menerusi Projek STREAM akan mewujudkan sistem data yang kukuh dan saling boleh kendali, sekali gus menggerakkan sektor kewangan yang lebih berasaskan data, bersedia untuk AI dan inovatif melalui perkongsian data yang lebih meluas serta inisiatif seperti Kewangan Terbuka (Open Finance).

Pelaksanaan: Pendekatan Berfasa dan Kolaboratif

Projek STREAM akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa awal melibatkan tiga domain data, iaitu **deposit, pembayaran dan derivatif** untuk memulakan pengumpulan data menjelang lewat tahun 2028. Fasa seterusnya akan merangkumi domain data seperti imbangan pembayaran tunai dan kredit serta pelaporan pematuhan. Dalam setiap fasa, semakan data secara menyeluruh akan dilaksanakan bagi menyeragamkan takrifan dan mengumpulkan data yang lebih terperinci untuk membangunkan output daripada asas data yang sama, sekali gus meminimumkan beban pelaporan RE.

Yang penting, BNM berpandangan bahawa Projek STREAM ialah satu usaha bersama yang hanya dapat dicapai melalui kerjasama erat dengan industri Kewangan. Oleh sebab itu, Projek STREAM telah dipacu sejak awal pelaksanaannya oleh Kumpulan Kerja Industri yang dianggotai oleh BNM, RE dan persatuan industri. Forum ini membolehkan BNM dan RE bersama-sama memperhalus perkara-perkara penting serta isu-isu berbangkit sebelum keperluan muktamad dibentangkan kepada para Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pelaporan bagi RE.

Maklum balas yang diterima setakat ini menunjukkan bahawa industri secara umumnya bersedia dan menyokong hala tuju yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, RE turut membangkitkan beberapa pertimbangan praktikal termasuk kesan operasi berikutan keperluan naik taraf infrastruktur, pembangunan keupayaan yang diperlukan untuk melaksanakan pelaporan automatik serta kebolehlaksanaan garis masa yang dicadangkan. BNM komited untuk menangani semua perkara ini secara kolaboratif sepanjang pelaksanaan projek.

Hala Tuju Seterusnya

Projek STREAM bukan sekadar satu usaha pengawalseliaan, malah merupakan usaha kolaboratif menuju ekosistem kewangan yang lebih berasaskan data dan inovatif. Selain memodenkan proses pelaporan, inisiatif ini akan memperkukuh keupayaan analitik BNM dan industri, menyokong perumusan dasar berasaskan data serta mempertingkatkan semua inisiatif perkongsian data BNM. BNM akan terus bekerjasama rapat dengan RE dalam setiap fasa pelaksanaan bagi memastikan peralihan ini dilaksanakan secara telus, inklusif dan sejajar dengan tahap kesiapsiagaan industri.